



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng menjawab soalan media di dalam Dewan Rakyat, Parlimen . - NSTP/Mohd Yusni Ariffin

PUTRAJAYA: Agihan 50 peratus hasil cukai pelancongan bagi 2018 sudah disalurkan kepada kerajaan negeri setakat bulan ini seperti dijanjikan, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Beliau berkata agihan 50 peratus cukai pelancongan itu membabitkan RM67.74 juta. “Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah menyoal sama ada Kementerian Kewangan akan mengagihkan hasil cukai pelancongan kepada kerajaan Sarawak sebelum akhir suku pertama 2019 seperti yang dijanjikan.

“Kerajaan Persekutuan akan menepati janji dan tidak akan bertindak seperti Datuk Abdul Karim yang sebelum ini membuat tuduhan palsu bahawa kerajaan mengagihkan hasil cukai pelancongan kepada Sabah tetapi tidak kepada Sarawak,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Guan Eng berkata, kerajaan negeri yang menerima 50 peratus hasil cukai pelancongan adalah Sabah sebanyak RM12.67 juta, Pulau Pinang (RM10.98 juta), Selangor (RM10.3 juta), Johor (RM7.99 juta), Pahang (RM7.86 juta), Melaka (RM5.35 juta), Kedah (RM5.08 juta). Diikuti Sarawak (RM2.58 juta), Negeri Sembilan (RM2.47 juta), Perak (RM1.25 juta), Terengganu (RM1.03 juta), Kelantan (RM150,000) dan Perlis (RM20,000).
